

# SUNGLUCON TABLET

Glipizide 5 mg

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah Kegunaan Sunglucon Tablet.
2. Bagaimana Sunglucon Tablet berfungsi.
3. Sebelum menggunakan Sunglucon Tablet.
4. Cara menggunakan Sunglucon Tablet.
5. Semasa pengambilan Sunglucon Tablet.
6. Kesan-kesan sampingan.
7. Cara Penyimpanan & Pelupusan.
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang. Dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh Kemaskini RiMUP

## Apakah Kegunaan Sunglucon Tablet

Sunglucon Tablet digunakan untuk rawatan diabetis mellitus / kencing manis yang tidak bergantung kepada insulin.

## Bagaimana Sunglucon Tablet Berfungsi

Glipizide tergolong dalam kumpulan 'sulphonylurea'. Ia merangsang penghasilan insulin oleh sel beta kelenjar pankreas.

## Sebelum Mengambil Sunglucon Tablet

### Bila tidak boleh mengambil

- Jika anda alergi kepada Glipizide atau bahan-bahan lain yang terkandung di dalam produk ini.
- Jika anda menghidapi penyakit kencing manis yang bergantung kepada insulin.
- Jika anda mengalami diabetik ketoasidosis.
- Jika anda mengalami koma and prekoma diabetes.
- Jika anda menghidapi penyakit buah pinggang.
- Jika anda menghidapi masalah hati
- Jika anda mengalami trauma yang teruk atau jangkitan.
- Jika anda mengandung atau menyusu

### Sebelum mula mengambil

Dapatkan nasihat doktor jika anda:-

- Mengandung/ Disyaki mengandung.
- Merancang untuk mengandung.
- Akan menjalani pembedahan
- Menghidapi penyakit buah pinggang

### Jika mengambil ubat-ubat lain

Terdapat beberapa jenis ubat yang tidak digalakkan diambil bersama dengan Benil Tablet. Anda harus memaklumkan doktor dan ahli farmasi anda mengenai ubat yang sedang diambil termasuk ubat yang dibeli di farmasi tanpa preskripsi doktor. Maklumkan doktor dan ahli farmasi jika anda sedang mengambil ubat – ubatan berikut :-

- Penyekat-beta
- Antibiotik
- Adrenaline
- Thiazide atau lain-lain diuretik
- Estrogen/pil cegah hamil
- Ubat tahan sakit
- Antikoagulan
- Produk hormone tiroid
- Kortikosteroid

### Cara menggunakan Sunglucon Tablet

### Berapa banyak harus digunakan

Iikut arahan doktor atau ahli farmasi anda. Jangan ambil lebih atau kurang daripada amaan yang disyorkan.

Dos permulaan bagi pesakit dewasa adalah 5mg sehari. dinaikkan secara beransur-ansur sehingga dos maksima 40 mg sehari jika perlu.

Dos yang melebihi 15 mg mestilah dibahagikan kepada beberapa dos dalam sehari.

### Bila perlu digunakan

Sunglucon Tablet perlu diambil sejurus sebelum makan.

### Berapa lama perlu digunakan

Iikut arahan yang telah ditetapkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

### Jika terlupa menggunakan

Jangan gandakan dos anda. Ambil dos seperti biasa bila tiba waktu untuk dos seterusnya.

### Jika mengambil berlebihan(terlebih dos)

Hubungi doktor anda atau dapatkan bantuan kecemasan.

## Semasa menggunakan Sunglucon Tablet

### Perkara yang perlu dilakukan

Ambil Sunglucon Tablet mengikut arahan doktor.

### Perkara yang tidak perlu dilakukan

Jangan kongsi ubat anda dengan orang lain walaupun mereka mengalami masalah yang sama.

### Perkara yang perlu diberi perhatian

Rujuk doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan yang dinyatakan.

## Kesan-kesan Sampingan

Kesan sampingan yang biasa ialah gangguan gastrousus dan hipoglisemia.

Simptom-simptom hipoglisemia termasuk berpeluh, kelaparan dan lemah badan. Jika teruk, kekeliruan dan koma.

Kesan sampingan yang jarang berlaku ialah ruam.

Rujuk doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami kesan-kesan lain semasa pengambilan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel : 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers Reporting*)

## Cara penyimpanan and pelupusan Benil Tablet

### Penyimpanan

Simpan pada suhu dibawah 25°C .

### Pelupusan

Jangan buang ubat-ubatan yang berlebihan secara sebarangan. Dapatkan nasihat ahli farmasi anda mengenai cara-cara pelupusan ubatan.

# SUNGLUCON TABLET

Glipizide 5 mg

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

## Maklumat Lanjut

### **Rupa dan warna produk**

Bujur, rata, berwarna biru cair dengan skor pada satu permukaan.

### **Bahan-bahan kandungan**

- Bahan aktif  
Glipizide
- Bahan tidak aktif  
Magnesium stearate, corn starch, laktosa, microcrystalline cellulose, Lake blue.

### **Nombor Pendaftaran Produk**

MAL20021134A

## Pengilang

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
9,11 &17, Jalan Kempas 4,  
Taman Perindustrian Tampoi Indah,  
81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

## Pemegang Pendaftaran Produk

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
9,11 &17, Jalan Kempas 4,  
Taman Perindustrian Tampoi Indah,  
81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

25/8/2014